



DERAF TEKS

**UCAPAN PERASMIAN
OLEH YB TUAN LIEW CHIN TONG
TIMBALAN MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN
INDUSTRI (MITI)
DI MAJLIS PERASMIAN SIRIM INVENTION, INNOVATION &
TECHNOLOGY EXPO
(Si2TE) 2023**

**SIRIM KULIM
11 JULAI 2023**

Terima kasih Pengacara Majlis

**YBhg Datuk Ir (Dr) Khairul Anuar Mohamad
Pengerusi
SIRIM Berhad**

**YBhg Dato' Indera Dr Ahmad Sabirin bin Arshad
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**

SIRIM Berhad

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat Pagi dan Selamat Sejahtera,

1. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemput saya ke majlis ini yang penuh bermakna, iaitu Majlis Perasmian SIRIM Invention, Innovation & Technology Expo (Si2TE) 2023.
2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada SIRIM di atas penganjuran program ini serta Pertandingan Si2TE yang dilaksanakan buat kali kelima dalam usaha memperkenalkan serta menggalakkan minat masyarakat secara keseluruhannya dalam teknologi dan inovasi.
3. Kreativiti dan inovasi amat diperlukan dalam semua bidang kehidupan manusia. Kreativiti dan inovasi juga saling berkait dalam menghasilkan idea atau menambah baik proses ke arah yang lebih efektif dan lebih menarik.
4. Inovasi adalah penggerak utama kemajuan dalam mencari cara baharu untuk memperbaiki atau mencipta produk atau perkhidmatan serta merangkumi idea-idea kreatif dan inovatif yang berpotensi untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi serta memperkasa pendidikan masa depan.
5. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sedang dalam proses menyediakan the New Industrial Master Plan atau

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030. Pendekatan Pelan Induk sebelum ini berasaskan sektor tetapi dalam NIMP baharu pendekatan misi akan diperkenalkan. Dengan pendekatan berasaskan misi, diharapkan bahawa seluruh industri perkilangan dan perindustrian akan menuju ke arah merealisasikan misi yang sama.

6. Salah satu misi yang relevan bagi era ini adalah “TechUp”. Sebelum ini, kita sebut tentang IR4.0 dan automasi seperti dua agenda yang berlainan. Sebenarnya, apa yang kita ingin wujudkan adalah suasana di mana semua industri mengurangkan kebergantungan terhadap buruh tanpa kemahiran terutamanya pekerja warga asing dengan menggunakan pakai teknologi dan automasi, tak kira 2.0 atau 4.0.
7. Dengan penyerapan teknologi di semua bidang industri secara menyeluruh, ekonomi kita boleh mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing tanpa kemahiran dan membayar pekerja Malaysia yang berkemahiran. Pekerja kita perlu dibayar dengan gaji yang lebih tinggi dan setimpal. Melalui penggunaan teknologi dan inovasi baharu, produktiviti atau hasil akan meningkat, maka gaji pekerja boleh juga dinaiki.
8. Mitos dalam kalangan kita bahawa produktiviti bergantung kepada pekerja sahaja. Ada yang kata bahawa kalau pekerja rajin, produktiviti akan naik. Sebenarnya, produktiviti bergantung kepada tahap penggunaan teknologi, terutamanya automasi dan pendigitalan (digitalisation) dan tahap inovasi industri. Contohnya, kalau seorang pekerja pembersihan bandar menyapu jalan menggunakan penyapu, walaupun dia begitu rajin, produktivitinya

adalah terhad. Tetapi kalau mesin diguna pakai, produktiviti dia akan meningkat dengan besar.

9. MITI menyambut baik Program Si2TE 2023 ini bagi memperkasa budaya inovasi dalam kalangan masyarakat. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada SIRIM dan pihak urus setia program kerana berjaya menganjurkan program ini dengan baik sekali. Dengan ini, saya dengan sukacita merasmikan SIRIM INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXPO (SI2TE) 2023 dan semoga dapat berjumpa lagi di tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.